



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI



KOLEKSI UCAPAN

JJENERAL TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HAJI ZULKIFLI
BIN HAJI ZAINAL ABIDIN
PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

KOLEKSI UCAPAN



**Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin
Haji Zainal Abidin**

Panglima Angkatan Tentera



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
ISBN 978-967-17366-2-3

TAJUK BUKU
DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

IDEA DAN KOLEKSI UCAPAN
Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin
Panglima Angkatan Tentera

CETAKAN PERTAMA

Oktober 2019

SIDANG EDITOR

Mej Jen Dato' Mahendra S. Sivapatha Sundram
Kol Dr. Haji Zahimi bin Haji Zainol Abidin
Kdr Mohd Husni bin Aris
Kapt Aaron Steve Abraham a/1 Anbu
Rafizul Rozlee

REKA BENTUK & PERCETAKAN

Lt Kol (PRO) Haji Mohamad Jamian bin Haji Samuri
Ketua Cawangan Perkhidmatan Percetakan 91 DPOD

DITERBITKAN OLEH:

Pejabat Panglima Angkatan Tentera
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Wisma Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 0320598133 Faks: 0320598397

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian dari pada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

RUJUKAN:

Perpustakaan Negara Malaysia
Data pengkatalogan dalam Penerbitan

Demi Legasi Daulat Pertiwi / Zulkifli Zainal Abidin;
Editor: Mahendra S. Sivapatha Sundram, Zahimi Zainol Abidin, Husni
Mat Aris, Rafizul Rozlee, Aaron Steve Abraham a/1 Anbu

ISBN 978-967-17366-2-3

1. *Zulkifli Zainal Abidin, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima, 1958-*
2. *Military administration-Malaysia*
3. *Angkatan Tentera Malaysia*
I. Mahendra S. Sivapatha Sundram. II. Zahimi Zainol Abidin. III.
Mohd Husni Aris. IV. Rafizul Rozlee. V. Aaron Steve Abraham a/
Anbu. VI. Judul



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TAYARAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI



**LAGU TENTERA BENTENG
PERTAHANAN NEGARA**

KAMILAH ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
YANG TAAT DAN SETIA
SANGGUP BERKORBAN WALAUPUN APA SAJA
UNTUK NEGARA DAN BANGSA

TENTERA BENTENG PERTAHANAN NEGARA
TENTERA LAMBANG PERKASA
BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA
PANTANG UNDUR TETAP MARA

DARAT LAUT DAN JUGA UDARA
SENTIASA TERPELIHARA
MEMBUJUR LALU MELINTANG PATAH
HARAPAN MUSUH DIMUSNAH

TENTERA BENTENG PERTAHANAN NEGARA
TENTERA LAMBANG PERKASA
BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA
PANTANG UNDUR TETAP MARA

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI



IKRAR KESATRIA

1. BERIMAN KEPADA TUHAN DAN BERTAKWA KEPADANYA.
2. SETIA KEPADA NEGARA DAN SEDIA BERKORBAN DEMI KEPENTINGANNYA DENGAN TIDAK SEKALI-KALI MENGENAL MENYERAH.
3. MEMEGANG TEGUH DISIPLIN TENTERA DAN SENTIASA MENJUNJUNG TINGGI SIKAP KEPERWIRAAN DAN KEHORMATAN TENTERA,
4. MENGUTAMAKAN PERLAKSANAAN TUGAS DENGAN JUJUR DAN IKLAS.
5. MENYIMPAN RAHSIA NEGARA DENGAN SEKETAT-KETATNYA.

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

KANDUNGAN

ATM Sentiasa Bersepadu	9
<i>The Malaysian Armed Forces: Strategies, Capabilities and Challenges</i>	23
Jasa Kepada Negara	43
Akidah, Ibadah dan Akhlak Sebagai Sumber Kekuatan Spiritual Tentera	51
Wira Nusa	57
Kepimpinan Melalui Teladan	65
Demi Legasi Daulat Pertiwi	73
2019 : Tahun Ketumbukan Bersama	81
<i>Navigating the Risk of Thucydides Trap: US China Relations and Southeast Asian Responses</i>	105
Alumni sebagai Sumber Kekuatan Institusi Ilmu	117
<i>Future Force: An Overview</i>	127
Keselamatan dan Pertahanan Negara: Isu dan Cabaran Kontemporari	135

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

<i>Sustainable Security</i>	155
Menyubur Bakti Demi Keamanan Serantau	163
<i>A Newer Malaysia in Military Diplomacy</i>	169
Cakna Terhadap Tanggungjawab Memelihara Kesihatan	177
Solidariti Semangat Setiakawan Melalui Aktiviti Kebajikan dan Sukan	183
<i>The Role of Society in Defending Malaysia</i>	189
<i>The Malaysian Armed Forces: Then and Now</i>	207
Pengukuhan Spiritual Sebagai Wadah Utama Warga ATM	221
<i>PUSPAHANAS: A Catalyst to Develop Scholars on Strategic and Security Studies</i>	229
Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama	239

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI


PRAKATA

Buku Demi Legasi Daulat Pertiwi ini adalah himpunan koleksi ucapan terpilih yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentera ke-20 sepanjang tahun 2018 dan 2019.

Semoga penerbitan buku ini dapat dijadikan panduan khususnya kepada warga ATM dalam memacu kecemerlangan, mengekalkan kredibiliti serta relevansi ATM sebagai organisasi bermandat dalam mempertahankan legasi kedaulatan negara. Diharapkan juga penerbitan buku ini dapat menyumbang kepada literatur kepimpinan, pengurusan dan strategi khususnya dalam konteks ketenteraan.



ATM Sentiasa Bersepadu



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

Bismillahir-rahman-nir-Rahim.

Asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah Subhanahu Wata'ala; Tuhan sekalian alam; selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam.

Alhamdulillah, hambaMu ini mentaslimkan rasa kesyukuran dan segala puji-pujian bagiMu ya Allah atas kurniaan mandat selaku Panglima Angkatan Tentera yang ke-20. Ya Rabbul Jalil, Kau kurniakanlah ihsan dan hikmah kebijaksanaan, moga-moga tugas berat yang hambaMu galas ini sentiasa mendapat petunjuk dan ibrah, agar dukungan prinsip “yang hak tetap ditegak, yang batil kekal disangkal” berjaya dilunas dalam mengangkat martabat Angkatan Tentera Malaysia ke tahap yang selayaknya.

Di kesempatan ini jua, saya ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia, atas limpah perkenan ke atas pelantikan saya. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana memberikan kepercayaan penuh kepada saya untuk memimpin ketumbukan Angkatan Tentera Malaysia yang merupakan benteng pertahanan negara.




DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

Sejujurnya, saya melihat pelantikan ini sebagai satu taklif iaitu amanah dan beban syariat yang sudah pasti sangat luar biasa cabarannya. Oleh itu, saya akan sentiasa sematkan dalam sanubari bahawa kegagalan menunaikan amanah itu bakal menatijahkan risiko hukuman ukhrawi yang berat kepada diri saya sendiri. Mulai saat ini, saya juga ingin melafazkan sumpah janji bahawa jawatan ini tidak sama sekali menjadi satu tasyrif agar saya tidak terjerumus dalam gelumang penyakit bangga diri dan kealpaan. Justeru itu, saya bertawakkal dan tiadalah tempat lain untuk saya memohon pertolongan kecuali kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Para perwira, Bintara, Petanda dan Perajurit serta Warga Angkatan Tentera Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Bersempena dengan hari yang bersejarah ini, saya serta seluruh Warga Angkatan Tentera Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, mantan Panglima Angkatan Tentera yang telah banyak menyumbang pengorbanan, curahan bakti dan keringat dalam mengemudi angkatan ini. Sesungguhnya khidmat bakti, jasa dan budi baik yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi amat kami sanjungi dan akan dikenang sentiasa. Dalam konteks yang sama, saya juga komited untuk mengembleng segala usaha, kudrat dan buah fikiran demi meneruskan kecemerlangan yang telah dilakarkan oleh para pimpinan Angkatan Tentera Malaysia yang terdahulu, Insya Allah. Justeru, saya menyeru agar setiap lapisan warga Angkatan Tentera Malaysia, berganding bahu dan



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

berdiri teguh bersama-sama saya untuk memperkasakan segala nilai teras yang diperlukan untuk mewujudkan sebuah organisasi yang sentiasa dihormati oleh rakyat Malaysia, dan disegani rakan serantau mahupun antarabangsa.

Fokus teraju kepimpinan Angkatan Tentera Malaysia amat jelas bahawa usaha mempertingkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan angkatan ini mestilah menjadi keutamaan dan selari dengan landskap geo-politik dan strategik antarabangsa, lebih-lebih lagi dalam kepesatan teknologi masa kini khususnya di bidang teknologi maklumat. Sudah semestinya, pengukuhan pertahanan secara spektrum penuh mampu memberikan perlindungan berkesan terhadap ancaman ketenteraan daripada pelbagai dimensi; baik pada masa kini mahupun di masa hadapan. Walaupun rantau asia tenggara kini nampak aman dari sebarang ancaman berbentuk tradisional, namun beberapa isu dalaman serta luaran dilihat mampu mencetuskan konflik baharu pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, kita tidak boleh leka dibuai dengan keamanan yang dikecapi pada hari ini tanpa berbuat apa-apa. Kita hendaklah sentiasa peka terhadap geo-politik serantau, sensitif terhadap fenomena persekitaran keseimbangan kuasa dengan mengambil kira keadaan saling memerlukan yang wujud di kalangan negara-negara di rantau ini serta kuasa-kuasa besar dunia. Selain itu, peningkatan ancaman bukan tradisional yang berbentuk militan juga perlu diberi perhatian, sewajarnya. Kecenderungan pihak yang sentiasa melakukan kegiatan seperti keganasan, aktiviti lintas sempadan, menggugat ketenteraman awam, kesan pasca bencana alam serta gejala-gejala sosial perlu diberi perhatian kerana mampu

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

menggugat kestabilan negara serta mendedahkan negara kepada campur tangan pihak luar. Keprihatinan kita terhadap isu-isu ini akan memastikan kedaulatan negara sentiasa terjamin dan terpelihara.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

Kesemua perkara yang telah saya maklumkan tadi adalah ciri-ciri persekitaran yang wujud sekarang dan perlu kita semua harungi bersama sebagai sebuah angkatan yang

menjadi perisai pertahanan negara. Disamping itu, sempadan di antara ancaman tradisional dan bukan tradisional juga semakin kabur. Oleh yang demikian, setiap perubahan yang berlaku masa kini perlu dihadapi secara kerjasama pelbagai agensi dan ini mungkin akan menimbulkan banyak cabaran kepada kita. Keadaan ini mungkin akan meningkatkan cabaran kepada Angkatan Tentera Malaysia dengan kedudukan ekonomi negara dan juga ekonomi global yang sedang melanda masa kini; di samping fenomena peningkatan ketegangan atau *escalation of tension* di rantau sebelah Timur dan Timur Tengah yang semakin ketara. Keadaan yang kompleks dan tidak menyebelahi kita ini, memberi justifikasi kepada Angkatan Tentera Malaysia untuk meningkatkan lagi tahap kesiapsiagaan serta keupayaan menangani sebarang kemungkinan melalui respons yang pantas, tepat dan efektif setelah opsi diplomasi pertahanan yang proaktif menemui kegagalan.

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

Justeru, Angkatan Tentera Malaysia akan terus mempertingkatkan iltizam dalam segenap aspek untuk mempertahankan kedaulatan perbatasan negara; baik di daratan, lautan mahupun ruang udara daripada sebarang ancaman atau pencerobohan anasir luar. Amanah dan tanggungjawab ini akan sentiasa diberi keutamaan dan dilaksanakan secara professional, tekad dan penuh komitmen. Tahap kesiagaan yang tinggi juga akan wujud dari latihan yang mantap dan berkesan, serta peralatan dan persenjataan canggih yang memenuhi keperluan pertahanan semasa. Di samping itu juga, Angkatan Tentera Malaysia akan sentiasa bersedia membantu agensi-agensi keselamatan lain dan pihak berkuasa awam dalam memelihara ketenteraman awam serta memberi bantuan semasa berlakunya bencana alam di seluruh negara.

Para Perwira, Bintara, Petanda dan Perajurit yang saya hormati sekalian,

Berdasarkan kriteria-kriteria atau huraian yang telah saya nyatakan, pertahanan dan keselamatan negara ini secara jelas bergantung kepada sebuah angkatan tentera yang kredibel, responsif, dinamik dan mampu mengeksploitasi teknologi serta dianggotai oleh warga yang bangga untuk berkhidmat demi agama, bangsa dan negara. Selain daripada menyediakan aspek-aspek yang boleh dilihat dengan mata kasar, Angkatan Tentera Malaysia perlu menentukan bahawa siasah warganya diperkasakan melalui peningkatan tahap kepuasan berkhidmat untuk negara dan juga peluang untuk memperbaiki diri sendiri melalui program-program ilmu keagamaan dan ketenteraan.

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

Sehubungan itu, adalah amat penting untuk Angkatan Tentera Malaysia mencapai keseimbangan dalam elemen manusia, mesin dan kaedah (*man, machine and method*) bagi menentukan respons yang holistik, bersepadu, berkesan dan menyeluruh. Tanpa kesinambungan ini, sudah pasti kita tidak mampu mencapai segala matlamat yang dihasratkan. Perlu ditegaskan juga bahawa elemen manusia (*man*) iaitu setiap daripada saudara dan saudari merupakan elemen yang paling utama dalam angkatan tentera yang unggul ini. Tanpa sokongan yang padu daripada saudara dan saudari, Angkatan Tentera Malaysia tidak akan dapat mencapai segala matlamat yang telah ditetapkan. Justeru itu, bagi memastikan kepentingan agama, bangsa dan negara sebagai satu keutamaan mutlak, serta demi kelangsungan kesejahteraan dan kecemerlangan Angkatan Tentera Malaysia, empat aspek berikut akan saya jadikan tonggak pemerintahan saya:

TONGGAK PERTAMA: ANGKATAN YANG PROFESIONAL

Dewasa ini, cabaran dan ancaman dari pelbagai spektrum perlu dihadapi oleh Angkatan Tentera Malaysia secara pantas, profesional dan efektif. Setiap cabaran yang datang harus ditangani sepenuhnya kerana keyakinan rakyat terhadap organisasi ini amat tinggi dan rakyat menagihkan keamanan yang terjamin secara berterusan. Oleh itu, tonggak ini perlu digemblengkan secara kesepaduan oleh setiap peringkat pemerintahan untuk berusaha mencapai

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

kecemerlangan dalam setiap amanah tugas yang dipertanggungjawabkan.

Angkatan yang profesional memerlukan komitmen semua pihak bermula dari anggota yang berpangkat paling rendah hinggalah pemerintahan tertinggi. Ini penting bagi memperlengkapkan kemampuan diri dan rakan sepasukan dalam ilmu pengetahuan, berfikiran matang dan berkemahiran tinggi agar mampu mengukuhkan keyakinan diri dan pasukan dalam menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran. Dengan sokongan peruntukan kewangan dan penyediaan prasarana terbaik dari pihak kerajaan, kita akan bersama-sama merealisasikan ketumbukan ini ke arah kemodenan dan berkebolehan dalam apa jua bidang penugasan.

TONGGAK KEDUA: KETUMBUKAN YANG SIAP SIAGA

Angkatan Tentera Malaysia perlu bersiap sedia sebilang masa untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman demi mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan negara tercinta. Hasrat ini memerlukan setiap komponen dalam angkatan tentera untuk sentiasa mempertingkatkan kesiagaannya bagi menghadapi cabaran, mengekalkan keupayaan dan juga setiap kemungkinan yang akan berlaku.


Keupayaan yang dibina tidak akan kekal selamanya jika kita tidak berusaha gigih dan berterusan. Dalam hal ini, Angkatan Tentera Malaysia akan konsisten dalam usaha untuk



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

membangunkan angkatannya berpandukan blueprint 4D MAF atau *'Fourth Dimension Malaysian Armed Forces'* yang diperhalusi secara dinamik dari aspek keperluan yang selari dengan teknologi dan kemampuan peruntukan kewangan. Pembangunan ini akan didokong oleh rancangan pembangunan yang telah digubal khas oleh setiap perkhidmatan mengikut keperluan semasa dan mendatang.

Kesemua usaha ini bermatlamat untuk membolehkan organisasi yang unggul ini memberi respons terbaik dalam pelbagai persekitaran; baik di daratan, lautan, udara dan juga ruang siber. Dalam pada itu, sasaran rancangan pembangunan 4D MAF untuk menjadikan Angkatan Tentera Malaysia sebagai sebuah angkatan objektif (*objective force*) yang mampu beroperasi di dalam pelbagai spektrum peperangan akan terus diperkasakan. Namun, ia perlu dilaksanakan secara realistik dan berperingkat dan berkesinambungan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan juga keperluan semasa yang lain. Keperluan peralatan, persenjataan dan latihan termoden juga perlu diselaraskan agar peruntukan yang disediakan digunakan secara optimum dan menutup ruang-ruang pembaziran. Di samping itu, Angkatan Tentera Malaysia akan berusaha untuk mempertingkatkan semua komponen *force-in-being* iaitu ketumbukan yang sedia ada, agar ia mampu meningkatkan lagi tahap kesiagaan angkatan tentera kita secara keseluruhannya.



DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

TONGGAK KETIGA: KEUTUHAN ORGANISASI

Keutuhan organisasi amat diperlukan bagi memperkukuhkan kesatuan dan perpaduan di kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia. Sebagai sebuah organisasi yang eksklusif lagi profesional, Angkatan Tentera Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan serta kredibilitinya dalam semua aspek untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik yang mungkin. Oleh itu, setiap warga Angkatan Tentera Malaysia haruslah sederap melangkah, berganding bahu antara satu sama yang lain, dan bersedia untuk mencurahkan bakti dalam apa jua keadaan demi kelangsungan dan kecemerlangan organisasi.

Semua pegawai dan anggota dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia juga perlu menghayati budaya "*sense of belonging*" dan "*sense of ownership*" terhadap Angkatan Tentera Malaysia sambil menggembleng serta menyatukan usaha dan tenaga masing-masing menangani apa jua ancaman di mana kita perlu sedar bahawa ancaman pertama adalah diri kita sendiri. Segala kekuatan mahupun kelemahan bermula di hati dan seterusnya membentuk integriti diri dan organisasi. Dengan kekuatan individu dan kesatuannya, kita mampu berjuang untuk membantu menghadapi cabaran yang mendepani negara secara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia secara khususnya.

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI

TONGGAK KEEMPAT: MEMPERKASAKAN KUALITI HIDUP

Dalam memperkasakan kualiti hidup, Angkatan Tentera Malaysia amat menitikberatkan kebajikan setiap anggota dan keluarganya serta golongan veteran. Kualiti hidup yang terbaik mendorong setiap warga lebih fokus kepada kerjaya ketenteraan. Sehubungan dengan itu, saya bertekad untuk meneruskan segala inisiatif dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup ini. Angkatan Tentera Malaysia, melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan akan membolehkan setiap anggota memiliki sebuah rumah sebelum menamatkan perkhidmatan. Di samping itu, inisiatif ini juga akan turut melibatkan rumah idaman untuk golongan veteran, pembinaan kem-kem serta rumah keluarga baru, dan penyelenggaraan terhadap kemudahan serta fasiliti asas; yang mana kesemua ini akan terus menjadi keutamaan angkatan tentera kita. Dalam pada itu, senggaraan berterusan dan berkualiti juga akan menghasilkan penjimatan bagi pengurusan kewangan jangka panjang. Sikap ambil berat dan memelihara kemudahan yang disediakan agar sentiasa terpelihara, dapat mengurangkan kos penyelenggaraan yang amat ditagih dari setiap warga. Keperluan asas yang lebih berkualiti dan kondusif akan meningkatkan moral setiap warga Angkatan Tentera Malaysia; khususnya dari segi cabaran logistik dan prasarana, lebih-lebih lagi untuk kesejahteraan hidup keluarga. Di samping itu, peluang dari aspek kenaikan pangkat, kemudahan pengajian tinggi seperti *K-Force* peningkatan akademik ke tahap tertinggi (peringkat PhD), perumahan dan perubatan serta

DEMI LEGASI DAULAT PERTIWI



Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin telah dilahirkan di Port Weld, Taiping, Perak pada tanggal 30 November 1958. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Lenggong, Perak dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Maktab Tentera Diraja. Beliau telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 21 Disember 1978 ke dalam Kor Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Panglima Angkatan Malaysia Ke-20 bermula 20 Jun 2018.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan dari *Asian Institute of Management (AIM)*, Manila, Filipina. Selain itu, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli juga memiliki Diploma Lanjutan dalam Perniagaan dan Pengurusan (Kepujian) dari *Swansea Institute of Higher Education, University of Wales*, Diploma MTAT, MPAT dan Diploma dari *Royal College of Defence Studies (Imperial Defence College)*. Beliau juga telah menghadiri pengajian di *Naval Post Graduate School Monterey USA*, *Defence Management* di Canberra Australia dan Senior Development Program di John F. Kennedy School of Government, Harvard University, Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 2010.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli telah menjawat pelbagai jawatan di peringkat staf, pemerintahan dan latihan di pelbagai peringkat Tentera Darat dan Angkatan Tentera. Ini termasuk Timbalan Panglima Tentera Darat dan Panglima Tentera Darat. Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebanyak dua kali. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kejurulatihan khasnya apabila telah dipinjamkan ke *New Zealand Army* sebagai Jurulatih Kanan di *New Zealand Army Infantry School* daripada tahun 1986 sehingga 1988. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli juga merupakan *Honorary Fellow di Department of WMG, University of Warwick, United Kingdom* sejak tahun 2015. Dalam bidang profesional, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli merupakan *Chartered Fellow, The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)*. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Pertubuhan Akademi Profesor Malaysia.

Atas kredibiliti beliau dalam bidang akademik, Jeneral Tan Sri HJ Zulkifli sering dijemput ke persidangan wacana ilmiah di dalam dan luar negara. Bertitik tolak dari itu, kepakaran beliau juga telah mendapat pengiktirafan daripada UPNM apabila dilantik sebagai Profesor Ikhtisas mulai tahun 2017. Pencapaian beliau dalam bidang akademik juga amat membanggakan sehingga dianugerahkan 9th *Hall of Fame* oleh Malaysian Armed Forces Staff College (MAFSC), anugerah 10th *Hall of Fame* oleh Malaysian Defence Forces Staff College (MAFDC), dan turut dianugerahkan *Triple A Award* oleh AIM Manila.

ISBN 978-967-17366-2-3



9789671736623



MALYSIAN ARMY STANDARDS (MAS)
(Pengurusan Percetakan)

Dicetak Oleh:
Cawangan Perkhidmatan Percetakan
9th Depot Pusat Kor Ordans Diraja
Kem Batu Kentonmen, 50634 KUALA LUMPUR
Tel : 03-6256 3270/3271 Faks : 03-6256 1007
Email : ccdpodgrafik@yahoo.com

